

# **KERTAS KERJA**

---

# **INTERNATIONAL DIGITAL INNOVATION AND INVENTION CHALLENGE 2021 (IDIIC 2021)**

---



**Tarikh : 1 Januari 2021 – 1 April 2021**



**Anjuran : Kelab Inovasi dan Rekacipta Sekolah Menengah Sains Pasir Puteh, Kelantan**

**Dengan Kerjasama**

**Jabatan Pendidikan Negeri Kelantan, UITM Cawangan Kelantan,  
Institut Agama Islam Negeri (IAIN) Bukit Tinggi, Indonesia dan  
Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Brunei Darussalam**



## 1.0 PENDAHULUAN

Revolusi Industri 4.0 merupakan satu ledakan revolusi yang membawa perubahan besar dalam gaya kehidupan masyarakat masa ini. Arus revolusi ini merupakan satu cabaran kepada setiap individu supaya tidak lagi bergantung kepada apa-apa sahaja produk sedia ada namun memerlukan lebih ramai pencipta yang inovatif dan kreatif. Kita tidak boleh selamanya menjadi pembeli atau pengguna namun kita perlu mendidik generasi masa ini untuk berubah menjadi pereka-pereka (*innovators*) yang mampu menjana idea bagi menghasilkan produk berguna dan bermanfaat untuk masyarakat dan negara. Hal ini sangat penting kerana percambahan idea inovasi secara berterusan mampu merangsang pembangunan negara dan kesejahteraan masyarakat secara kolektif.

Pertandingan **INTERNATIONAL DIGITAL INNOVATION AND INVENTION CHALLENGE 2021 (IDIIC 2021)** merupakan satu usaha mewujudkan medan perkongsian dan persaingan secara sihat dalam bidang inovasi. Pertandingan yang dianjurkan ini akan mengumpulkan idea inovatif dan kreatif dari setiap pelosok jabatan dan institusi. Kami percaya bahawa kunci inovasi bukan sahaja terkumpul di makmal besar serba lengkap, organisasi penyelidikan dan syarikat gergasi sahaja namun idea inovasi ini berada di dalam fikiran jutaan belia di luar sana.

Maka buat julung-julung kalinya Kelab Inovasi dan Rekacipta SM Sains Pasir Puteh dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Negeri Kelantan, UITM Cawangan Kelantan, Institut Agama Islam Negeri (IAIN) Bukit Tinggi, Indonesia dan Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Brunei Darussalam akan menganjurkan pertandingan inovasi peringkat antarabangsa **IDIIC 2021**. Kerjasama antara institusi pendidikan di rantau Asia ini mampu mewujudkan satu jalinan persefahaman yang erat dan mengukuhkan hubungan akademik serantau.

## 2.0 TEMA

Inovasi Bervisi Pemangkin Revolusi Industri 4.0

## 3.0 OBJEKTIF

- 3.1 Memperkasa pemikiran generasi muda secara inovatif dan kreatif ke arah merealisasikan Revolusi Industri 4.0

**INTERNATIONAL DIGITAL INNOVATION AND INVENTION CHALLENGE 2021  
(IDIIC 2021)**

---

- 3.2 Memberi pengiktirafan kepada produk inovasi yang dihasilkan oleh individu atau kumpulan yang mencapai kriteria yang ditetapkan
- 3.3 Mewujudkan platform perkongsian idea, bahan dan mewujudkan persaingan sihat dalam bidang inovasi
- 3.4 Mengembangkan kebolehan dan idea rekacipta masyarakat ke platform yang lebih tinggi
- 3.5 Meningkatkan jalinan dan jaringan strategik dengan institusi pendidikan di dalam dan di luar negara.

**4.0 NAMA PROGRAM**

**INTERNATIONAL DIGITAL INNOVATION AND INVENTION CHALLENGE 2021  
(IDIIC 2021)**

**5.0 ANJURAN**

Kelab Inovasi dan Rekacipta SM Sains Pasir Puteh dengan kerjasama Jabatan Pelajaran Negeri Kelantan, UITM Cawangan Kelantan, Institut Agama Islam Negeri (IAIN) Bukit Tinggi, Indonesia dan Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Brunei Darussalam.

**6.0 SASARAN**

Terbuka kepada semua mengikut kategori yang dipertandingkan

**7.0 TARIKH**

1 Januari 2021 hingga 1 April 2021

**8.0 TEMPAT**

Secara dalam talian

## **9.0 JAWATANKUASA PELAKSANA**

### **JAWATANKUASA INDUK :**

Pengerusi	:	Pn. Noriha binti Mohamad (Pengetua Cemerlang SM Sains Pasir Puteh)
Timbalan Pengerusi (I)	:	Encik Abu Hanipah @ Fauzi bin Zahari (Pengarah Pendidikan Negeri Kelantan)
Timbalan Pengerusi (II)	:	Encik Mohd Asri bin Yusof (Penolong Kanan Kokurikulum SMSPP)
Naib Pengerusi I	:	Prof Madya Dr. Ghazali bin Osman (Timbalan Rektor Hal Ehwal Akademik, UITM Cawangan Kelantan)
Naib Pengerusi II	:	M. Arif, S.Pdi, M.Ed. Ph.D, (Pengetua Bidang Manajemen Pendidikan Islam Institut Agama Islam Negeri, Bukit Tinggi, Indonesia.)
Naib Pengerusi III	:	Assoc.Prof.Dr. Ibnor Azli Ibrahim, (Faculty of Shariah and Law, Deputy Director of Mazhab Shafi'i Research Centre)
Penyelaras Program	:	Dr. Salbiah bt Mohamed Salleh
Setiausaha	:	Pn. Norasma bt Mohamed Salleh
Bendahari	:	En. Mohd Yusri bin Yahya

### **JAWATANKUASA KERJA : Rujuk Lampiran**

**INTERNATIONAL DIGITAL INNOVATION AND INVENTION CHALLENGE 2021  
(IDIIC 2021)**

---

**10.0 PERBELANJAAN**

BIL	PERKARA	PERBELANJAAN	JUMLAH
1	Web Page Designer	RM 500.00	RM 500.00
2.	Sijil	RM 500.00	RM 500.00
4.	Cenderamata hakim	RM 50 x 50 orang	RM 2500.00
5.	Plaque	Anugerah Platinum (RM 100 x 3 kategori x 1 kump)  Anugerah Khas Juri (RM 100 x 3 kategori x 1 kump)  Anugerah The Most Outstanding Video Award (RM 100 x 3 kategori x 3 kump)  Anugerah Emas (RM 70 x 3 kategori x 10 kump)  Anugerah Perak (RM 50 x 3 kategori x 10 kump)  Anugerah Gangsa (RM 30 x 3 kategori x 10 kump)	RM 300.00 RM 300.00 RM 900.00 RM 2100.00 RM 1500.00 RM 900.00
<b>Jumlah Perbelanjaan</b>			<b>RM 9500.00</b>

**11.0 PERUNTUKAN KEWANGAN**

Bil	Perkara	Perbelanjaan
1.	Yuran penyertaan	RM 9500.00
<b>Jumlah Keseluruhan</b>		<b>RM 9500.00</b>

## **12.0 SYARAT- SYARAT PENYERTAAN**

- Pertandingan ini terbuka kepada semua warga Malaysia atau antarabangsa mengikut kategori (1) **Gold Innovators** (Profesional, akademik dan industri), (2) **Diamond Innovators** (Mahasiswa Kolej/Institut Pengajian Tinggi) dan (3) **Star Innovators** (Murid sekolah menengah dan sekolah rendah).
- Setiap kumpulan hendaklah disertai tidak lebih daripada 5 orang ahli kumpulan dan seorang ketua kumpulan (1 ketua + 5 ahli)
- Setiap produk inovasi bertanggung jawab untuk mendaftar hak cipta bagi setiap produk yang dipertandingkan bagi mengelakkan unsur ciplak atau plagiat.
- Penyertaan hendaklah menghantar video (tempoh masa 4 hingga 5 minit) menggunakan borang *google form* yang disediakan
- Video yang dihasilkan boleh menggunakan bahasa pengantar sama ada Bahasa Malaysia atau Bahasa Inggeris.

## **13.0 HADIAH & ANUGERAH**

Berikut adalah cadangan anugerah yang akan diberikan;

<b>Kategori</b>	<b>Anugerah</b>
<b>Gold Innovators</b> (Profesional, akademik dan industri)	Anugerah Platinum (1 kumpulan) Anugerah Emas (10 kumpulan) Anugerah Perak (10 kumpulan) Anugerah Gangsa (10 kumpulan) Anugerah Khas Juri (1 kumpulan) Anugerah The Most Outstanding Award (3 kumpulan) Anugerah Best of The Best (5 kumpulan terbaik)
<b>Diamond Innovators</b> (Mahasiswa Kolej / Institut Pengajian Tinggi)	Anugerah Platinum (1 kumpulan) Anugerah Emas (10 kumpulan) Anugerah Perak (10 kumpulan) Anugerah Gangsa (10 kumpulan) Anugerah Khas Juri (1 kumpulan) Anugerah The Most Outstanding Award (3 kumpulan) Anugerah Best of The Best (5 kumpulan terbaik) Anugerah Hub Inovasi Contoh (3 IPT penyertaan tertinggi)
<b>Star Innovators</b> (Murid sekolah menengah dan sekolah rendah).	Anugerah Platinum (1 kumpulan) Anugerah Emas (10 kumpulan) Anugerah Perak (10 kumpulan) Anugerah Gangsa (10 kumpulan) Anugerah Khas Juri (1 kumpulan) Anugerah The Most Outstanding Award (3 kumpulan) Anugerah Best of The Best (5 kumpulan terbaik) Anugerah Guru Pembimbing Terbaik

**INTERNATIONAL DIGITAL INNOVATION AND INVENTION CHALLENGE 2021  
(IDIIC 2021)**

	Anugerah Hub Inovasi Contoh (3 sekolah penyertaan tertinggi)
<b>Anugerah Khas</b>	Anugerah Unggul IDIIC 2021 (Pereka logo terbaik) Anugerah Unggul IDIIC 2021 (Web Designer terbaik) Anugerah Unggul IDIIC 2021 (Pereka poster terbaik) Anugerah Unggul IDIIC 2021 (Pereka video pendek terbaik)

#### 14.0 KRITERIA PEMARKAHAN INOVASI

Komponen	Kriteria	Peratus
<b>Pengenalan idea Baru dan Asli (30%)</b>	Idea Baru / Asli	13-30
	Idea Adaptasi	05-12
	Idea Ulangan	0-04
<b>Bentuk Inovasi (15%)</b>	Jelas, teratur dan menarik	05
	Ketepatan maklumat	05
	Mudah dikendalikan	05
<b>Peningkatan Keberkesaan Produk (30%)</b>	Penjimatan masa / tenaga	06
	Kecekapan bekerja	08
	Mencapai objektif	10
	Mencapai objektif inovasi	06
<b>Kesan Kos &amp; Operasi (10%)</b>	Keberkesaan Kos	10
<b>Persembahan video (15%)</b>	Video dihasilkan jelas, tersusun, mampu memaparkan keseluruhan produk inovasi dengan baik	15

#### 15.0 YURAN PENYERTAAN

Kategori	(MYR) Penyertaan Dalam Negara	(USD) Penyertaan Luar negara
<b>Gold Innovators</b> (Profesional, akademik dan industri)	150	100
<b>Diamond Innovators</b> (Mahasiswa Kolej / Institut Pengajian Tinggi)	100	70
<b>Star Innovators</b> (Murid sekolah menengah dan sekolah rendah).	70	50
<b>Murid SBP (Sekolah Berasrama Penuh) termasuk SMSPP</b>	50	

## 16.0 PENUTUP

Kesimpulannya, dunia masa ini berdepan dengan Industri 4.0 yang memerlukan generasi berpengetahuan tinggi dan berkeupayaan menghadapi cabaran teknologi baharu lebih kompleks. Dunia abad- 21 ini juga memerlukan generasi yang berdaya tahan dan bukan saja menjadi pengguna teknologi, malah memulakan atau mencetuskan teknologi dalam kehidupan. Pertandingan IDIIC 2021 ini merupakan pencetus kepada pembangunan negara dan kesejahteraan masyarakat secara keseluruhannya. Semoga dengan platform pertandingan ini, semua pihak dapat sama-sama menyumbangkan idea inovatif untuk kepentingan generasi masa hadapan

Disediakan oleh:

**(NORASMA MOHAMED SALLEH)**  
Setiausaha Program,  
SM Sains Pasir Puteh,  
Kelantan.

Disemak oleh:

**(MOHD ASRI BIN YUSOF)**  
Penolong Kanan Kokurikulum,  
SM Sains Pasir Puteh,  
Kelantan.

Disahkan oleh:

**(NORIHA BINTI MOHAMAD)**  
Pengetua Cemerlang,  
SM Sains Pasir Puteh,  
Kelantan.

**LAMPIRAN (1)**

<b>Bil</b>	<b>Jawatan Kuasa</b>	<b>Nama AJK</b>	<b>Bidang Tugas</b>
1.	Urusetia Pertandingan	Dr Salbiah bt Mohamed Salleh Pn Norasma bt Mohamed Salleh	<ul style="list-style-type: none"> <li>Menyiapkan kertas kerja pertandingan</li> <li>Berhubung dengan semua institusi pendidikan bagi mewujudkan kerjasama pertandingan</li> <li>Menyediakan surat menyurat yang berkaitan</li> </ul>
2.	Pendaftaran	Cik Noorul Ainien bt Mat Daud Pn Nik Nazehan bt Nik Omar Cik Nur Saidatul Hafifi bt Mohd Husin	<ul style="list-style-type: none"> <li>Menyediakan borang pendaftaran (Google Form)</li> <li>Merekodkan pendaftaran dan menghantar link video kepada koordinator youtube</li> <li>Berurus dengan bendarai bagi memastikan yuran pendaftaran setiap kumpulan</li> </ul>
3.	IT dan Digital	Pn.Yusmariza bt Yaakob (Sektor Pengurusan Maklumat JPN Kelantan)  Encik Ahmed Sallehuddin bin Ariff, (Penolong Pengarah Unit TMK, Sektor Pembelajaran, JPN Kelantan)	<ul style="list-style-type: none"> <li>Menyediakan landing page (web) bagi pertandingan IDIIC2021</li> <li>Mengemas kini web page dari semasa</li> </ul>
4.	Koordinator You Tube	Pn Shafika Ameera Bt Salleh En. Ahmad Ruhullah bin Othman	<ul style="list-style-type: none"> <li>Menyediakan channel Youtube bagi memuatkan kesemua link video produk yang dipertandingkan</li> <li>Memuat naik video pertandingan</li> <li>Menguruskan acara majlis penutup yang akan dilakukan secara live di youtube channel</li> </ul>

**INTERNATIONAL DIGITAL INNOVATION AND INVENTION CHALLENGE 2021  
(IDIIC 2021)**

5.	Sijil	<p>Puan Nur Shaliza Sapiai (Ketua Pusat Pengajian Fakulti Pengurusan Maklumat UiTM Caw Kelantan)</p> <p>Puan Nor Erlissa Abd Aziz (Penyelas Program IM245 UiTM Cawangan Kelantan)</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Menyediakan sijil penghargaan secara digital kepada AJK dan para juri</li> <li>• Menyediakan sijil anugerah secara digital kepada kesemua peserta pertandingan</li> <li>• Menghantar email sijil digital kepada peserta</li> <li>• Memberikan sijil ajk dan hakim kepada urusetia untuk dihantar kepada pihak berkenaan</li> </ul>
6.	Hadiah dan Cenderamata	<p>Pn. Roslina Abd Rashid Pn. Norazmawani bt Ghazali Pn. Nurulizzati bt Iberahim Pn. Noorlywaty binti Talib</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Menempah plaque berdasarkan pemenang</li> <li>• Mengepos plaque kepada setiap kumpulan</li> </ul>
7.	Pengurus Hakim	<p>Pn. Azliana Nordin Pn. Ismah bt Mat Pn. Zuriana binti Yasa</p> <p>Dr Supriadi, M.Pd (Pensyarah IAIN Bukit Tinggi, Indonesia)</p> <p>Dr Iswantir M, M.Ag (Timbalan dekan FTIK IAIN Bukit Tinggi, Indonesia)</p> <p>Dr. Dayang Hjh Tiawa Awg Hj Hamid (Senior Assistant Professor Dean: Faculty of Islamic Technology (FIT) UNISSA)</p> <p>Dr. Anis Salwa binti Abdullah (Penolong Pengarah, Unit TVET, Sektor Pembelajaran JPN Kelantan)</p> <p>Tn Hj Mohd Razali bin Abdul Talib, (Ketua Penolong Pengarah Kanan, Unit TMK, Sektor Pembelajaran, JPN Kelantan)</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Menyediakan borang pendaftaran hakim</li> <li>• Mengemaskini profil hakim</li> <li>• Menguruskan taklimat hakim secara maya</li> <li>• Membahagikan kumpulan untuk diadili oleh hakim secara tersusun</li> <li>• Mengumpul markah yang dihantar oleh hakim dan menyerahkan kepada AJK analisis dan statistik</li> <li>• Menghantar email sijil digital kepada semua hakim</li> </ul>

**INTERNATIONAL DIGITAL INNOVATION AND INVENTION CHALLENGE 2021  
(IDIIC 2021)**

9.	Montaj Perasmian Penutup & Video Anugerah	Cik Noor 'Azlinee binti Mohd Noor	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Menyiapkan video perasmian penutup dan video anugerah kepada pemenang</li> </ul>
10.	Analisis dan Statistik	Pn.Irni Harmiziati binti Iberahim Pn.Rohaiza binti Abdullah	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Melakukan analisis pemarkahan dan menentukan anugerah yang akan diterima oleh setiap kumpulan</li> </ul>
11.	Dokumentasi	Dr Nor Hasliza bt Fariz Pn.Noor Ayu bt Rahimun Pn.Azuraini bt Che Busu  Dr Veni Roza, M.Pd (Pensyarah IAIN Bukit Tinggi)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Menyiapkan dokumentasi bertulis dan digital</li> <li>• Menghantar dokumentasi kepada urusetia, JPN, UITM, IAIN dan UNISSA</li> </ul>
12.	Iklan dan Promosi	En. Arjunaidi bin Hussin  Puan Siti Aswani Mohd Ghazali (Penyelaras Program IM110 UiTM Cawangan Kelantan)  Dr Afrinaldi, M.A (Pengetua LP2M IAIN Bukit Tinggi)  Dr Adam Jait (Pengarah Pejabat Perancangan dan Pembangunan Strategik UNISSA)  Pn. Zuriah bt Muhammad, (Ketua Penolong Pengarah Unit TMK, Sektor Pembelajaran, JPN Kelantan)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Menyiapkan poster pertandingan</li> <li>• Mewar-warkan pertandingan kepada semua pihak</li> </ul>